

# JATI DIRI BELIA MUSLIM MALAYSIA DALAM ARUS GLOBALISASI: CABARAN DAN PENYELESAIAN

## THE IDENTITY OF MALAYSIAN MUSLIM YOUTH IN THE CURRENT OF GLOBALISATION: CHALLENGES AND SOLUTIONS

Nor Adina Abdul Kadir <sup>1\*</sup>

Izzah Nur Aida Zur Raffar <sup>2</sup>

S Salahudin Suyurno <sup>3</sup>

Ahmad Rosli Mohd Nor <sup>4</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah Melaka (noradina@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah Melaka (izzahnur@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor (ssalahud@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Bandaraya Melaka, 75350 Melaka (ahmadrosli@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: noradina@uitm.edu.my

### Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

### To cite this document:

Kadir, N. A. A., Zur Raffar, I. N. A., Suyurno, S. S., & Nor, A. R. M. (2025). Jati diri belia muslim Malaysia dalam arus globalisasi: Cabaran dan penyelesaian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 359 - 371.

**Abstrak:** Globalisasi telah membawa perubahan ketara dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk budaya dan nilai masyarakat. Bagi belia Muslim di Malaysia, pendedahan kepada budaya asing melalui media dan teknologi maklumat menimbulkan cabaran dalam mengekalkan jati diri Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh belia Muslim dalam konteks globalisasi serta mencadangkan strategi efektif bagi memperkuat identiti mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dengan data diperoleh daripada analisis dokumen, buku dan artikel ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa globalisasi menguji keteguhan jati diri belia Muslim dan menuntut keupayaan mereka dalam mengekalkan nilai serta identiti yang kukuh. Menerusi pendidikan agama yang mantap dan penglibatan aktif dalam komuniti didapati sebagai antara strategi berkesan dalam memperkuat jati diri mereka. Implikasi kajian ini penting dalam merangka dasar dan program yang menyokong pembentukan identiti Islam yang teguh dalam kalangan belia sekali gus memastikan kestabilan sosial dan moral masyarakat di era globalisasi.

**Kata Kunci:** Jati diri, belia Muslim, globalisasi, kajian kepustakaan, Malaysia

**Abstract:** Globalization has brought significant changes in various aspects of life including culture and societal values. For Muslim youth in Malaysia, exposure to foreign cultures through the media and information technology poses challenges in maintaining an Islamic

*identity. This study aims to identify the main challenges faced by Muslim youth in the context of globalisation and suggest effective strategies to strengthen their identity. This study uses a qualitative approach through a literature method with data obtained from the analysis of relevant documents, books and scientific articles. The results of the study show that globalization tests the resilience of Muslim youth's identity and demands their ability to maintain strong values and identities. Through solid religious education and active involvement in the community, it has been found to be one of the effective strategies in strengthening their identity. The implications of this study are important in formulating policies and programmes that support the formation of a strong Islamic identity among the youth thus ensuring the social and moral stability of the society in the era of globalisation.*

**Keywords:** Identity, Muslim youth, globalization, literature review, Malaysia

## Pengenalan

Globalisasi ialah fenomena yang mengakibatkan perubahan pesat dalam pelbagai bidang kehidupan manusia, termasuk ekonomi, sosial dan budaya (Giddens, 1999). Dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, pertukaran budaya antara negara menjadi lebih mudah. Ini memberi kesan kepada nilai dan identiti masyarakat, terutamanya belia. Menurut Hassan (2018), belia Muslim Malaysia menghadapi kesukaran untuk mengekalkan identiti Islam mereka dalam persekitaran yang semakin dipengaruhi oleh budaya asing. Walaupun globalisasi memberikan peluang untuk keterbukaan maklumat dan kemajuan ekonomi, ia juga boleh menjelaskan pembentukan identiti belia jika tidak diimbangi dengan elemen pemantapan jati diri. Bagi belia Muslim di Malaysia, jati diri merangkumi elemen keimanan, akhlak, bahasa, dan budaya yang berasaskan ajaran Islam (Ismail, et al., 2018). Namun, pengaruh budaya asing yang semakin mendominasi melalui media sosial, filem, dan muzik global telah menyebabkan perubahan dalam cara pemikiran dan gaya hidup belia (Lee, 2022). Kajian menunjukkan bahawa pemakaian, gaya bahasa dan norma sosial dalam kalangan belia semakin dipengaruhi oleh budaya Barat yang bercanggah dengan nilai Islam dan budaya tempatan (Daud, Yussuf & Kadir, 2023). Justeru, kajian ini menjadi penting untuk memahami cabaran utama yang dihadapi oleh belia Muslim dalam mengekalkan identiti Islam mereka serta mencadangkan strategi yang berkesan untuk memperkuuh jati diri dalam era globalisasi.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan untuk menganalisis kesan globalisasi terhadap jati diri belia Muslim di Malaysia. Kaedah ini dipilih kerana kajian bertujuan untuk menganalisis konsep dan isu secara mendalam berdasarkan teori dan kajian sedia ada, bukan mengumpul data lapangan. Kajian kepustakaan membolehkan pemahaman yang mendalam tentang isu ini melalui analisis dokumen, buku dan artikel ilmiah yang berkaitan. Metode ini tidak hanya membantu dalam mengumpulkan informasi yang relevan tetapi juga memberikan perspektif berharga tentang perkembangan dan trend terkini dalam bidang tersebut (Koufogiannakis, Slater & Crumley, 2004). Metodologi ini juga sesuai kerana ia memberi gambaran menyeluruh tentang faktor yang mempengaruhi identiti belia serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkuuh nilai Islam dalam kehidupan mereka. Melalui analisis ini, beberapa strategi akan dicadangkan bagi memastikan jati diri belia Muslim dapat dipertahankan tanpa menolak manfaat globalisasi yang positif.

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan secara terperinci cabaran yang dihadapi oleh belia Muslim dalam mengekalkan jati diri Islam di tengah arus globalisasi. Selain itu, ia turut mengetengahkan pendekatan yang boleh digunakan untuk memperkuuh identiti belia Muslim

dalam konteks masyarakat moden. Hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pembentukan dasar dan program yang lebih efektif dalam memperkasakan jati diri belia Muslim di Malaysia, sejajar dengan aspirasi negara dalam membangunkan generasi yang berdaya tahan dan berpegang teguh kepada nilai Islam.

## Kajian Literatur

### Konsep Jati Diri Dalam Pendidikan Islam

Jati diri merujuk kepada identiti atau keperibadian seseorang yang mencerminkan nilai, budaya, dan kepercayaan yang dipegang. Dalam konteks pendidikan Islam, pembentukan jati diri kebangsaan adalah penting untuk memastikan individu memahami dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Menurut kajian oleh Ghaffar, Ashaari & Umar (2013), Falsafah Pendidikan Islam memainkan peranan utama dalam membentuk jati diri kebangsaan melalui sistem pendidikan di sekolah. Pendidikan Islam yang berteraskan wahyu bertujuan membentuk keluhuran rohani, akhlak mulia, dan keperibadian yang sempurna dalam kalangan pelajar.

Jati diri dalam pendidikan Islam bukan sahaja berperanan dalam membentuk akhlak dan sahsiah individu tetapi juga dalam melahirkan masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam. Menurut Daud, Yussuf & Kadir (2020), pendidikan Islam berfungsi sebagai mekanisme utama dalam membentuk kesedaran identiti dalam kalangan pelajar melalui kurikulum yang menekankan aspek tauhid, ibadah, dan akhlak. Ini sejajar dengan pandangan al-Attas (1991) yang menegaskan bahawa pendidikan Islam bukan sekadar proses penyampaian ilmu tetapi juga satu bentuk penyucian jiwa yang bertujuan membentuk insan yang beradab dan beretika. Oleh itu, pendidikan Islam perlu dilaksanakan secara holistik bagi memastikan pembentukan jati diri yang kukuh dalam kalangan belia Muslim.

Selain itu, institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri pelajar melalui aktiviti kokurikulum dan pembelajaran formal. Kajian oleh Meerangani, et al. (2021) menunjukkan bahawa pembelajaran yang mengintegrasikan nilai Islam dalam subjek akademik mampu mengukuhkan jati diri pelajar dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap ajaran Islam. Aktiviti seperti program usrah, ceramah agama, serta penglibatan dalam persatuan Islam membantu membentuk sahsiah pelajar yang lebih berintegriti. Justeru, pendidikan Islam perlu diperkasakan dengan pendekatan yang lebih interaktif dan berkesan bagi memastikan pelajar memahami serta menghayati ajaran Islam secara mendalam.

Namun, cabaran utama dalam pembentukan jati diri melalui pendidikan Islam adalah pengaruh globalisasi yang membawa masuk pelbagai nilai asing yang bertentangan dengan Islam (Mamat et al., 2017). Sepertimana penulisan Bakar et al., (2024) menegaskan bahawa media sosial dan teknologi maklumat memainkan peranan besar dalam membentuk pemikiran serta gaya hidup belia yang kadangkala bercanggah dengan prinsip Islam. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk memastikan pendidikan Islam relevan dalam menghadapi cabaran semasa seperti dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran, penyediaan modul yang bersifat kontemporer serta pembentukan polisi pendidikan yang menyokong pemerkaasan jati diri Islam dalam kalangan belia Muslim.

## Globalisasi Dan Cabaran Terhadap Jati Diri Belia Muslim

Globalisasi telah membawa perubahan ketara dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk budaya dan nilai masyarakat. Bagi belia Muslim di Malaysia, pendedahan kepada budaya asing melalui media dan teknologi maklumat menimbulkan cabaran dalam mengekalkan jati diri Islam. Kajian oleh Ismail, Tamuri & Hussian (2021) menunjukkan bahawa persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di Malaysia. Pendedahan kepada norma dan nilai yang berbeza akibat globalisasi boleh mempengaruhi pegangan agama dan jati diri belia Muslim.

Selain itu, globalisasi turut mempercepatkan proses peralihan budaya yang boleh menghakis nilai dan identiti Islam dalam kalangan belia Muslim. Menurut kajian oleh Luthfi et al., (2022), media sosial dan hiburan digital sering mempromosikan gaya hidup yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti hedonisme dan materialisme yang dapat mempengaruhi perilaku serta nilai-nilai generasi muda dalam masyarakat. Fenomena ini menyebabkan belia lebih cenderung meniru budaya asing tanpa menilai kesesuaianya dengan nilai agama dan adat tempatan. Akibatnya, sebahagian belia Muslim mengalami dilema identiti apabila berhadapan dengan pertembungan antara nilai tradisional dan pengaruh budaya luar yang semakin dominan.

Dalam konteks pendidikan, globalisasi turut memberi kesan terhadap jati diri belia Muslim melalui sistem pendidikan yang semakin bercorak sekular dan kurang menekankan aspek kerohanian. Kajian oleh Jaafar et al., (2018) mendapati bahawa sistem pendidikan moden di Malaysia lebih menumpukan kepada pencapaian akademik berbanding pembentukan sahsiah dan jati diri Islam. Hal ini menyebabkan belia Muslim kurang memahami kepentingan nilai Islam dalam kehidupan mereka, sekali gus memberi ruang kepada pengaruh luar untuk membentuk pemikiran serta gaya hidup mereka. Oleh itu, integrasi pendidikan Islam dalam kurikulum perlu diperluaskan bagi memastikan belia Muslim memiliki asas agama yang kukuh dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Selain pendidikan, persekitaran sosial juga memainkan peranan besar dalam pembentukan jati diri belia Muslim. Sebagaimana dalam kajian Halim (2017), sokongan daripada institusi keluarga dan komuniti amat penting dalam memastikan belia Muslim kekal berpegang teguh kepada nilai Islam. Namun, perubahan sosial akibat globalisasi telah menyebabkan peranan institusi keluarga semakin longgar seperti kurangnya komunikasi dan bimbingan daripada ibu bapa ke atas anak-anak. Kesannya, belia Muslim lebih banyak bergantung kepada rakan sebaya dan media sosial dalam membentuk pandangan hidup mereka yang boleh membawa kepada pemikiran yang jauh daripada nilai Islam yang sebenar. (Rosli et al., 2019)

Bagi mengatasi cabaran ini, pendekatan holistik perlu diambil bagi memperkuuh jati diri belia Muslim dalam menghadapi pengaruh globalisasi. Program dakwah yang lebih interaktif, pengukuhan pendidikan Islam dalam kurikulum sekolah dan universiti serta penglibatan belia dalam aktiviti kemasyarakatan berteraskan nilai Islam adalah antara langkah yang boleh diambil. Kajian oleh Yenifa et al., (2023) menunjukkan bahawa belia yang terlibat secara aktif dalam program berbentuk keagamaan dan kemasyarakatan lebih cenderung untuk mengekalkan jati diri Islam mereka. Oleh itu, kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan, NGO Islam dan masyarakat amat diperlukan dalam memastikan generasi belia Muslim terus berpegang teguh kepada identiti Islam walaupun berhadapan dengan cabaran globalisasi.

## Pengaruh Persekutaran Sosial Terhadap Jati Diri Belia Muslim

Menurut kajian Kirmann et al., (2021), persekitaran sosial termasuk keluarga, rakan sebaya dan komuniti mempunyai pengaruh signifikan terhadap pembentukan jati diri belia. Kajian oleh Ghazali et al., (2023) menekankan bahawa proses pembelajaran secara tidak formal yang dilalui bersama masyarakat, khususnya ibu bapa dan rakan sebaya tidak boleh diambil mudah. Tempoh masa yang dihabiskan bersama mereka adalah lebih panjang berbanding masa yang diluangkan dalam pendidikan formal, dan ini mempengaruhi pembentukan akhlak dan jati diri belia.

Selain keluarga, rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri belia Muslim. Interaksi sosial dengan rakan sebaya boleh mempengaruhi nilai, tingkah laku dan keputusan yang dibuat oleh belia. Jika seseorang belia dikelilingi oleh rakan yang mengamalkan nilai Islam yang kuat, mereka cenderung untuk mengekalkan jati diri yang kukuh. Sebaliknya, jika pergaulan mereka lebih terarah kepada kumpulan yang mengamalkan budaya hedonistik dan bebas, maka mereka lebih mudah terpengaruh dengan gaya hidup yang boleh melemahkan pegangan agama. Oleh itu, persekitaran sosial yang positif amat penting bagi memastikan pembentukan jati diri belia yang teguh dan berlandaskan nilai Islam. Kirmann et al., (2021).

Selain itu, media sosial juga menjadi salah satu faktor utama yang membentuk jati diri belia Muslim. Menurut kajian oleh Zukrina et. al, (2024), platform digital seperti TikTok, Instagram dan YouTube bukan sahaja menjadi medium hiburan tetapi juga ruang bagi belia membentuk identiti mereka. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada kandungan yang tidak sesuai dan bertentangan dengan nilai Islam boleh mengakibatkan krisis identiti dalam kalangan belia. Oleh itu, kawalan kendiri serta pendidikan literasi digital berteraskan Islam perlu diterapkan dalam kalangan belia agar mereka dapat memanfaatkan teknologi secara bijak tanpa menjaskannya jati diri mereka.

Kajian Mohammad Ghani & Hashim (2021) pula mendapati bahawa penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan seperti program usrah, ceramah agama, dan kem motivasi Islamik membantu mengukuhkan kefahaman mereka terhadap nilai-nilai Islam. Kehadiran pemimpin masyarakat yang berperanan sebagai role model juga dapat membimbing belia untuk lebih memahami dan menghayati ajaran Islam. Oleh itu, kolaborasi antara institusi agama, sekolah, dan komuniti setempat perlu diperkuuh bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembentukan jati diri belia Muslim.

Walaupun persekitaran sosial memberi pengaruh besar terhadap jati diri belia, cabaran tetap wujud dalam memastikan belia Muslim kekal berpegang teguh kepada nilai Islam. Globalisasi dan perubahan sosial yang pesat sering kali membawa nilai asing yang bertentangan dengan budaya serta kepercayaan Islam. Justeru, usaha perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan persekitaran sosial yang positif dapat dikenalkan. Ini termasuk pengukuhan institusi keluarga, penyediaan program pembangunan belia yang berdasarkan nilai Islam, serta penggunaan media digital secara berhemah. Dengan pendekatan yang sistematis dan bersepada, jati diri belia Muslim dapat diperkasa dan dipertahankan dalam menghadapi cabaran arus globalisasi.

Selain itu, peranan kerajaan dan institusi pendidikan juga tidak boleh diketepikan dalam memastikan persekitaran sosial yang menyokong pembentukan jati diri belia Muslim. Dasar dan program yang dirangka oleh kerajaan seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan dan program pembangunan belia, memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional yang seimbang antara kemodenan dan nilai Islam. Institusi pendidikan perlu menekankan

keseimbangan antara ilmu duniawi dan ukhrawi dengan mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Selain itu, kempen kesedaran dan latihan pembangunan sahsiah di peringkat sekolah dan universiti juga boleh membantu membentuk belia yang lebih berdaya tahan terhadap pengaruh negatif persekitaran sosial. Oleh itu, usaha bersepadau antara kerajaan, institusi pendidikan, dan masyarakat diperlukan untuk memastikan generasi belia Muslim terus berpegang teguh kepada jati diri mereka dalam era globalisasi ini.

## Perbincangan

### Cabarani Globalisasi terhadap Jati Diri Belia Muslim Malaysia

Globalisasi membawa pelbagai cabaran kepada pembentukan jati diri belia Muslim di Malaysia, khususnya dalam aspek budaya, sosial dan nilai keagamaan. Menurut kajian oleh Rosli, Muniandy & Jasmi (2019), peningkatan akses kepada teknologi dan media sosial menyebabkan belia lebih terdedah kepada budaya luar yang kadangkala bertentangan dengan nilai Islam. Pendedahan ini boleh membawa kepada konflik identiti, di mana belia berdepan dengan dilema antara mengekalkan nilai tradisional atau menerima norma baharu yang diperkenalkan melalui globalisasi.

Selain itu, dalam kajian Abidin, Kamaruddin & Arsal (2020) menunjukkan bahawa pengaruh sekularisme dalam sistem pendidikan dan persekitaran sosial turut memberi kesan kepada pemikiran dan gaya hidup belia. Sebahagian belia Muslim mengalami cabaran dalam menyeimbangkan antara tuntutan agama dan gaya hidup moden. Faktor ini diperkuatkan dengan kelemahan institusi keluarga dalam memberikan bimbingan yang berkesan, menyebabkan belia lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dan media. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan strategi yang dapat memperkuuh jati diri belia dalam menghadapi cabaran globalisasi ini.

Tambahan pula, kepelbagai ideologi yang diperkenalkan melalui globalisasi turut memberi impak terhadap kefahaman belia mengenai identiti Islam mereka. Menurut kajian oleh Ismail, Tamuri & Jasmi (2012), pemikiran liberal yang semakin berkembang dalam kalangan belia menyebabkan mereka cenderung untuk menilai semula nilai-nilai Islam berdasarkan perspektif baharu yang dipengaruhi oleh budaya asing. Situasi ini boleh membawa kepada pemisahan antara nilai agama dan kehidupan harian, sekali gus melemahkan pegangan terhadap jati diri Muslim yang sebenar.

Globalisasi ekonomi turut memberi kesan kepada jati diri belia Muslim di Malaysia apabila berlaku perubahan dalam sektor pekerjaan dan ekonomi yang mengubah gaya hidup belia di mana mereka lebih mementingkan nilai materialistik berbanding nilai spiritual. Kajian oleh Khalid et al. (2022) menunjukkan bahawa belia yang terlalu fokus kepada pencapaian material lebih cenderung untuk mengabaikan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan pembangunan ekonomi tidak mengorbankan nilai-nilai Islam yang menjadi asas kepada pembentukan jati diri belia Muslim.

Kekurangan peranan institusi keagamaan dalam menangani cabaran globalisasi juga merupakan faktor yang perlu diberi perhatian. Walaupun masjid dan institusi dakwah memainkan peranan penting dalam membimbing belia, kajian oleh Wahab, Ahmad & Owoyemi (2019) menunjukkan bahawa kurangnya program yang bersesuaian dengan kehendak belia menyebabkan mereka kurang berminat untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti keagamaan. Oleh itu, pendekatan yang lebih dinamik dan bersesuaian dengan realiti semasa perlu diterapkan

bagi memastikan institusi keagamaan terus relevan dalam membentuk jati diri belia Muslim Malaysia.

### Kepentingan Pendidikan Islam dalam Pembentukan Jati Diri

Sistem pendidikan Islam memainkan peranan yang signifikan dalam memperkuuh jati diri belia Muslim. Pendidikan yang berteraskan nilai Islam dapat membantu membentuk keperibadian yang kukuh dan berdaya tahan terhadap pengaruh negatif globalisasi. Sepertimana dalam disertasi Kadir (2010), kurikulum pendidikan Islam yang menggabungkan aspek teori dan praktikal dapat meningkatkan pemahaman individu mengenai identiti sebagai Muslim. Ini dapat dilihat dalam penglibatan belia dalam aktiviti kurikulum berasaskan Islam seperti program usrah, kem motivasi dan aktiviti dakwah yang memberikan kesan positif terhadap pembentukan jati diri mereka. Belia yang aktif dalam program berbentuk keagamaan menunjukkan tahap keyakinan diri yang lebih tinggi serta keupayaan untuk mempertahankan nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, institusi pendidikan perlu terus memperkuuh pendekatan yang bersepada dalam membina jati diri belia Muslim melalui sistem pendidikan yang lebih holistik.

Selain sistem pendidikan formal, peranan institusi keluarga juga tidak boleh diketepikan dalam membentuk jati diri belia Muslim. Ibu bapa yang mengamalkan pendidikan Islam dalam rumah tangga berupaya mempengaruhi anak-anak untuk memahami dan menghayati nilai-nilai Islam sejak kecil. Menurut kajian oleh Halim (2017), terdapat korelasi positif antara amalan keagamaan keluarga dengan tahap pemahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan belia. Keluarga yang mengamalkan nilai-nilai keagamaan dengan konsisten dapat memberikan asas yang kukuh bagi belia untuk memahami dan menghargai ajaran Islam, sekaligus membantu mereka menghadapi cabaran budaya luar dengan lebih berkeyakinan. Penting untuk melibatkan belia dalam dialog terbuka mengenai isu-isu yang mereka hadapi, serta menyediakan platform bagi mereka menyuarakan pendapat dan idea tentang cara mengintegrasikan nilai-nilai tradisional dengan norma baharu. Ini akan membantu mereka merasa lebih terlibat dan bertanggungjawab terhadap identiti keagamaan mereka, sekaligus menggalakkan pemikiran kritis dan kreativiti dalam mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi. Justeru, keluarga berperanan penting dalam memberi makna pendidikan agama kepada setiap ahlinya termasuk pembentukan identiti belia Muslim.

Seterusnya, media massa dan teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan kefahaman belia terhadap jati diri mereka. Pendedahan kepada kandungan digital yang bercanggah dengan nilai Islam boleh melemahkan pegangan identiti Muslim dalam kalangan belia (Kabir, 2020). Hal ini turut mengakibatkan pergeseran nilai, krisis jati diri dan penyimpangan moral. Fenomena ini bukan sahaja menjaskannya keutuhan sahsiah belia sebagai pewaris masa depan ummah, malah turut melemahkan daya tahan budaya Islam dalam menghadapi arus globalisasi yang semakin mencabar. Jika situasi ini tidak ditangani dengan serius ia berpotensi melahirkan generasi belia yang rapuh jati dirinya, kurang rasa tanggungjawab terhadap agama dan negara serta mudah terpengaruh dengan ideologi yang bertentangan dengan prinsip Islam.

Akhir sekali, sokongan daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) juga penting dalam memperkuuh jati diri belia Muslim. Program berbentuk pembangunan sahsiah dan pengukuhan nilai Islam yang dianjurkan oleh institusi berkaitan dapat memberikan platform kepada belia untuk memahami dan menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka. Menurut kajian oleh Salsabila et al., (2023), inisiatif seperti kempen kesedaran jati diri

Muslim dan program kepimpinan belia Islam berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama dalam kalangan generasi muda. Dengan adanya sokongan berterusan, belia Muslim dapat membina jati diri yang teguh serta mampu menghadapi cabaran globalisasi dengan lebih yakin. Program-program ini bukan sahaja membantu membentuk karakter yang positif, tetapi juga menyediakan platform untuk belia berinteraksi dan berkongsi pengalaman dalam mengamalkan ajaran Islam secara praktikal. Melalui pendekatan ini, belia dapat mengembangkan kemahiran kepimpinan yang selari dengan prinsip-prinsip Islam sekaligus memupuk rasa tanggungjawab sosial dan keprihatinan terhadap isu-isu masyarakat.

### **Peranan Institusi Keluarga dan Masyarakat dalam Memperkuuh Jati Diri Belia**

Institusi keluarga dan masyarakat juga memainkan peranan penting dalam memastikan belia Muslim Malaysia memiliki jati diri yang kukuh. Peranan ini menjadi lebih signifikan dalam era digital yang penuh cabaran, di mana pengaruh luar mudah meresap ke dalam kehidupan seharian belia. Menurut kajian oleh Raffar & Hamjah (2015), kemahiran keibubapaan berasaskan perspektif Islam dapat memperkuuh kesejahteraan keluarga yang seterusnya membentuk jati diri remaja Muslim yang mantap. Selain itu, pendidikan komunikasi dan penggunaan media sosial dalam keluarga juga memainkan peranan penting dalam membentuk interaksi yang positif antara ibu bapa dan anak-anak dalam membantu mereka menghadapi cabaran sosial dengan lebih berkesan. Oleh itu, kolaborasi antara institusi keluarga dan masyarakat adalah kunci dalam membina generasi belia Muslim yang berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam.

Kajian oleh Yazan (2021) menunjukkan bahawa keluarga yang mengamalkan pendidikan Islam secara konsisten di rumah dapat membentuk anak-anak yang lebih berdisiplin dan berpegang teguh kepada ajaran agama. Persekitaran yang kondusif dalam keluarga membolehkan belia memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan lebih baik. Melalui bimbingan berterusan daripada ibu bapa, nilai-nilai seperti kejujuran, amanah, hormat-menghormati dan tanggungjawab dapat dipupuk sejak kecil, sekali gus memperkuuh jati diri Muslim dalam menghadapi cabaran globalisasi dan pengaruh budaya luar. Selain itu, suasana keluarga yang mementingkan akhlak Islam akan membentuk daya tahan spiritual dalam kalangan belia akan menjadikan mereka lebih teguh dalam mempertahankan identiti dan prinsip hidup berlandaskan syariat.

Selain itu, peranan komuniti juga penting dalam memastikan belia mempunyai sokongan sosial yang kuat. Program komuniti seperti Rakan Muda, program belia di masjid dan aktiviti kemasyarakatan dapat membantu membentuk sahsiah belia yang lebih bertanggungjawab dan berdaya tahan terhadap pengaruh negatif. Kajian oleh Hasan (2005) menyatakan bahawa penglibatan aktif dalam komuniti berupaya mengukuhkan nilai keislaman serta semangat patriotisme dalam kalangan belia Muslim. Oleh itu, kerjasama antara keluarga, institusi pendidikan, dan masyarakat perlu ditingkatkan bagi memastikan jati diri belia terus diperkuuh dalam menghadapi arus globalisasi. Usaha ini dilaksanakan melalui program pembangunan sahsiah, aktiviti kesukarelawanan serta pendidikan nilai yang berasaskan prinsip Islam bagi melahirkan generasi belia yang bukan sahaja celik agama tetapi juga mempunyai kesedaran sivik dan rasa tanggungjawab terhadap negara. Pendekatan bersepada ini penting untuk mengatasi ancaman budaya asing yang berpotensi melemahkan pegangan identiti Muslim, sekaligus membentuk generasi yang mampu mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Selain institusi keluarga dan komuniti, media juga memainkan peranan yang besar dalam membentuk jati diri belia Muslim Malaysia. Pengaruh media sosial dan hiburan moden boleh memberi kesan sama ada positif atau negatif terhadap nilai dan identiti belia. Kajian oleh Hassan et al. (2023) mendapati bahawa belia yang terdedah kepada kandungan media yang selari dengan nilai Islam lebih cenderung mengekalkan jati diri mereka. Oleh itu, pendekatan yang lebih bijak diperlukan dalam memastikan penggunaan media dapat membantu dalam pembentukan identiti Islam yang lebih kukuh. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah memperbaikkan penghasilan kandungan media berbentuk pendidikan Islam, memperkuuh tapisan kawalan terhadap kandungan yang bertentangan dengan nilai agama, serta memperkasakan literasi media dalam kalangan belia agar mereka mampu menilai dan memilih kandungan yang positif secara kritis. Di samping itu, peranan pendakwah digital, influencer Muslim dan media alternatif Islam perlu diperkasakan supaya wacana dalam media arus perdana turut didominasi oleh nilai-nilai yang membina jati diri Muslim sejati (Fitria & Subakti 2022). Pendekatan menyeluruh ini bukan sahaja dapat memperkuuh identiti belia Muslim bahkan juga membantu membina kekuatan ummah dalam jangka masa panjang.

### Strategi Penyelesaian bagi Memperkuuh Jati Diri Belia Muslim

Bagi memastikan belia Muslim Malaysia tidak terpengaruh dengan unsur negatif globalisasi, pelbagai strategi perlu dilaksanakan. Pertama, pengukuhan pendidikan agama perlu diberikan keutamaan dalam sistem pendidikan formal dan tidak formal. Kajian oleh Zein & Mat Zin. (2018) menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan nilai Islam dalam pelbagai disiplin ilmu dapat membantu membentuk keperibadian belia yang lebih kukuh. Selain itu, pendidikan agama bukan sahaja perlu diajarkan secara teori di dalam bilik darjah, tetapi juga melalui pendekatan praktikal yang dapat membentuk kefahaman dan penghayatan yang lebih mendalam. Aktiviti seperti pembelajaran berbentuk pengalaman, program tahfiz integrasi serta modul pembentukan akhlak Islam boleh membantu belia Muslim mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian oleh Hassan et al. (2021) menyatakan bahawa belia yang mengikuti pendidikan agama yang interaktif dan holistik menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi terhadap pengaruh budaya luar serta memiliki kesedaran yang lebih mendalam mengenai identiti mereka sebagai Muslim. Oleh itu, reformasi dalam kurikulum pendidikan Islam perlu dilakukan bagi memastikan pendekatan pengajaran lebih dinamik, relevan, dan berkesan dalam membina jati diri belia Muslim.

Seterusnya, peranan institusi keluarga dalam memperkuuh pendidikan agama juga tidak boleh diabaikan. Keluarga merupakan institusi sosial pertama yang membentuk asas keperibadian seseorang individu, dan oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberikan didikan agama yang menyeluruh kepada anak-anak. Kajian oleh Raffar & Hamjah (2015) menunjukkan bahawa ibu bapa yang aktif membimbing anak-anak dalam hal keagamaan dan nilai moral sejak kecil berjaya melahirkan generasi belia yang lebih berdaya tahan terhadap cabaran globalisasi. Melalui amalan seperti solat berjemaah di rumah, bacaan al-Quran bersama, serta perbincangan tentang isu-isu semasa dari perspektif Islam, keluarga dapat menjadi benteng utama dalam memperkuuh jati diri belia Muslim.

Di samping itu, institusi masyarakat seperti masjid, pusat komuniti Islam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu lebih proaktif dalam membimbing belia Muslim. Program berbentuk usrah, seminar keilmuan, serta aktiviti kesukarelawanan berlandaskan Islam dapat memberikan pendedahan kepada belia mengenai kepentingan mempertahankan nilai dan identiti Islam. Kajian Salsabila et al., (2023), mendapati bahawa belia yang terlibat dalam program berbentuk komuniti keagamaan menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap agama serta lebih

berkeyakinan dalam menghadapi pengaruh globalisasi. Oleh itu, usaha bersepakat antara keluarga, institusi pendidikan, dan masyarakat perlu diperkuat bagi memastikan belia Muslim terus memiliki jati diri yang teguh dalam era globalisasi yang mencabar ini.

Kedua, penggunaan teknologi secara bijak dan beretika perlu diterapkan dalam kalangan belia. Pendidikan literasi digital yang menekankan kepentingan menggunakan teknologi secara berhemah dan berlandaskan nilai Islam perlu diperkenalkan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu, usaha kerajaan dalam merangka dasar pembangunan belia berasaskan nilai Islam juga perlu diperkuat. Kajian oleh Kabir (2020) menyarankan bahawa program pembangunan belia yang berfokus kepada pemantapan sahsiah dan kepimpinan Islam dapat membantu meningkatkan daya tahan belia terhadap pengaruh negatif globalisasi.

Ketiga, penguatan peranan institusi agama dalam membimbing dan membentuk jati diri belia juga perlu diperkuat. Masjid dan institusi dakwah boleh berfungsi sebagai pusat pendidikan tidak formal yang menawarkan bimbingan spiritual dan moral kepada belia. Kajian Ghani & Hashim (2021) menunjukkan program keagamaan yang dijalankan secara berterusan, seperti kuliah agama, kelas al-Quran, dan sesi kaunseling Islam, mampu membentuk jati diri belia yang lebih teguh dan berdaya tahan terhadap pengaruh negatif luar.

Keempat, kolaborasi antara sektor kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program pembangunan belia berteraskan Islam perlu diperkuat. Inisiatif seperti kem kepimpinan Islam, kursus motivasi berasaskan nilai Islam dan latihan kemahiran insaniah boleh membantu membentuk belia yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab. Kajian oleh Abdullah, Maamor & Wahab (2015) menunjukkan bahawa belia yang terlibat secara aktif dalam program pembangunan diri berasaskan nilai Islam lebih cenderung untuk mengekalkan jati diri dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya asing.

Oleh demikian, sokongan keluarga dan komuniti memainkan peranan penting dalam memastikan strategi ini berjaya dilaksanakan. Keluarga perlu menjadi model utama dalam mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian, manakala komuniti harus menyediakan ekosistem yang kondusif untuk pembangunan sahsiah belia. Oleh itu, pendekatan yang holistik dan bersepakat diperlukan bagi memastikan belia Muslim Malaysia terus memiliki jati diri yang kukuh dalam menghadapi cabaran globalisasi. Justeru, untuk memperkuat jati diri belia Muslim dalam era globalisasi, beberapa strategi boleh aplikasikan termasuk pengukuhan pendidikan agama, penglibatan aktif dalam komuniti dan pembangunan program kesukarelawanan. Kajian oleh Ismail et al. (2024) mengenal pasti elemen dalam dan luaran yang menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri kesukarelawanan belia seperti minat yang mendalam, sikap sedia membantu, nilai jati diri, matlamat hidup, ihsan, dan semangat kebersamaan. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan dapat membentuk karakter positif dan mengukuhkan jati diri belia Muslim.

## Kesimpulan

Jati diri belia Muslim di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran akibat globalisasi, namun dengan pendekatan yang strategik dan bersepakat, identiti Islam yang kukuh dapat diperkuat. Pendidikan Islam, sokongan keluarga dan komuniti serta dasar yang menyokong pembangunan sahsiah belia perlu digabungkan dalam usaha melahirkan generasi Muslim yang berdaya tahan dan mampu menghadapi cabaran global dengan nilai Islam yang teguh. Kesemua elemen ini harus bergerak seiring dalam membentuk ekosistem sosial yang kondusif, di mana belia bukan sahaja diasuh untuk memahami ajaran Islam secara mendalam, tetapi juga

dibimbing untuk mengamalkannya dalam konteks dunia moden. Dengan usaha berterusan dan kerjasama semua pihak, Malaysia mampu melahirkan generasi belia Muslim yang bukan sahaja berilmu dan berakhlaq mulia, tetapi juga berperanan aktif dalam membina sebuah masyarakat yang sejahtera, maju, dan diberkati.

## Rujukan

- Abdullah, N. S. N., Maamor, S., & Wahab, N. A. (2015). Pembangunan Belia Dari Perspektif Pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE) Vol. 1: no. 2, 61–76
- Abidin, L. Z., Kamaruddin, K., & Arsad, S. (2020). Sekularisme, Faktor dan Kesan. *International Journal of Muamalat* November 2020. Vol. 4. No. 1. eISSN: 2600-9153
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC (International Institute of Islamic Thought and Civilization), 60.
- Bakar, A. I. A., Haris, M. F., Harif, M. H., & Hassan, S. N. S. (2024). Media Sosial Dan Agama Islam: Penggunaan Dan Keberkesanannya. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5*, 20–23.
- Daud, W. M. N. W. (2005). *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraiyan Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17. No.9, 75-89.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A (2023). Influence of The Social Environment on Development of Students' Morals and Characters: Future Issues and Challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i2/17540>
- Fitria, W., & Subakti, G. E. (2022). "Era Digital Dalam Perspektif Islam: Urgensi Etika Komunikasi Umat Beragama di Indonesia" *Jurnal Penelitian Keislaman (Lembaga Penelitian Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Mataram)*, December 31. 18(2). 143- 157. <https://doi.org/10.20414/jpk.v18i2.5196>.
- Ghaffar, A. K. A., Ashaari, M. F., & Umar, A. (2013). Jati diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Al-Hikmah*, 5, 18–32.
- Ghani, M. H. A., & Hashim, A. (2021). Penglibatan Pelajar Dalam Program Keagamaan Di Politeknik Zon Selatan, *Journal of Technical and Social Science*. Bil. 12. Jil 1 Mac 2021.
- Ghazali, M. I., Ismail, W. O. A. S. W., Amri, M. S., Sukeri, M. M., Suhaimi, N. A. S., & Jaafar, S. S. (2023). Elemen Persekutaran Mempengaruhi Kecemerlangan Akademik Murid Tingkatan Lima Di Sekolah Menengah Agama. *Asian People Journal*, 6(1), 178–189. <http://dx.doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.453>
- Giddens, A. (2002). Runaway World: How Globalisation is Reshaping Our Lives. *Routledge*.
- Halim, R. A. (2017). *Penghayatan agama Islam sebagai mediator dalam hubungan antara persekitaran sosial dengan salah laku seksual pelajar Islam*. Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Hasan, M. A. (2005). Semangat Patriotisme Generasi Muda Melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Prosiding Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial Dan Pembangunan Komuniti 16-17 Mei 2005. Hotel Equatorial Bandar Hilir, Melaka
- Ismail, A. D., Rahman, Z. A., Abdullah, S. N. H., & Sudin, M. N. (2018). Relationship Between Personal Empowerment and Self-Identity Development among Adolescents in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*. [https://doi.org/10.17576/APJITM-2018-0702\(02\)-04](https://doi.org/10.17576/APJITM-2018-0702(02)-04)

- Ismail, M. F., Tamuri, A. H., & Jasmi, K. A. (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal in International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 at Elaf Kinda Hotel Mecca, Saudi Arabia, on 1st-2nd June 2012. ISBN: 978967-10160-3-9.
- Ismail, M. M., Samsu, K. H. K., Fee, L. Y., Yunus, M. M., Kamri, K. A., Din, H. M. D., Nor, M. S. M., Adnan, Z. H., Yunan, N. S. (2024), Elemen Utama dalam Pembentukan Jati Diri Kesukarelawanan Belia Malaysia, *Sains Insani* 2024. Volume 09. No 2. 284-294. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no2.704>
- Ismail, Z., Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2021). Relationship Between Social Environment and Islamic Religiosity Practice Among Secondary School Students In Malaysia. *International Journal of Sciences and Research*, vol. 77, no.1/1.
- Jaafar, N., Ghani, Z. A., Tibek, S. R., Nor, A. H. M., Gunardi, S., Ismail, N. A., Darmi, R., Saad, N. S. M., Idrus, M. M., Abdullah, H., Ishak, M., Ismail, H., Sulaiman. A. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 223 - 235.
- Kabir, N. A. (2020). "The Role of Digital Media in the Lives of Some American Muslim Children, 2010–2019,". Dalam Lelia Green, Donell Holloway, Kylie Stevenson, Tama Leaver, Leslie Haddon (Ed.) *The Routledge Companion to Digital Media and Children*. <https://doi.org/10.4324/9781351004107-54>.
- Kadir, N. A. A. (2010). *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Sejarah Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999*. Disertasi. Jabatan Sejaran dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Kholil, M. L. S., Lubis, L., & Sikumbang, A. T. (2022). The Utilization of Religious Content in Social Media for the Alteration Adolescent's Islamic Behaviour. *Dialogia (Ponorogo)*. 20 (2). 460-482.
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Volume 6. Issue 1. 106 – 118. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>
- Koufogiannakis, D., Slater, L., & Crumley, E. (2004). A Content Analysis of Librarianship Research. *Journal of Information Science*. <https://doi.org/10.1177/0165551504044668>
- Lee, Y. (Angelina). (2022). Music and Youth Identity Formation in the 21st Century: A Sociological Analysis into Global Metal and K-pop Identities in a Cosmopolitan World. *Canadian Journal of Family and Youth*. 14 (2). 285-290. <https://doi.org/10.29173/cjfy29847>
- Mamat, M., Razak, K. A., Lubis, M. A., Lubis, A., Isa, J. M. (2017). Globalisasi: Cabarannya Terhadap Sumber Pendidikan Islam, dalam Maimun Aqsha Lubis et al., (Penyunting), *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran*. Penerbit UKM.
- Meerangani, K. A., Badhrulhisham, A., Ibrahim, A. F., Johar, M. H. M. (2021), Integrasi Ilmu Islam Dalam Pengajian Tinggi Di Malaysia: Implementasi Di Kolej Universiti Islam Melaka, *Jurnal 'Ulwan*, Special Issue II: Wanita dan Kesejahteraan Ummah, Jilid 6 (Bil.2), 212-228
- Raffar, I. N. A. Z., & Hamjah, S. H. (2015). Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 5(2): 89-97
- Rosli, T., Muniandy, Y., & Jasmi, K. J. (2019). "Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam" dalam Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019. Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. 115-130

- Salsabila, U. H., Hanifan, M. L. N., Mahmuda, M. I. H., Tajuddin, M. A. N., & Pratiwi, A. D. (2023). "Pengaruh Perkembangan Teknologi Terhadap Pendidikan Islam." *Journal on Education*. January 18. 5(2). 3268-3275. <https://doi.org/10.31004/joe.v5i2.995>.
- Tan, R., & Abiddin, N. Z. (2016). Tinjauan Permasalahan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*. 1(2) September 2016
- Wahab, R. A., Ahmad, S., & Owoyemi, M. Y. (2019). The Impact of Religious Education Subjects on the Formation of Muslim Girls' Identity: A Comparative Study of Girls' Secondary School in Kedah, Malaysia and Leeds, Britain. *The Journal of Social Sciences Research*. Academic Research Publishing Group, vol. 5(3), 665-675. <https://doi.org/10.32861/JSSR.53.665.675>
- Yazan, M. F. (2021). *Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru Dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia
- Yenifa, N. A., Surbiantoro, E. & Rachmah, H. (2023). Pengaruh Keaktifan Siswa dalam Mengikuti Program Gabungan Remaja Islam terhadap Komitmen Beragama Islam. Bandung Conference Series: Islamic Education. Vol 3. No.1. <https://doi.org/10.29313/bcsied.v3i1.5922>
- Zein, M., & Mat Zin, A. A. (2018). Konsep Dan Pendekatan Integratif Dalam Pendidikan Nasional Dan Pendidikan Islam. *Jurnal al-Muqaddimah*. vol.6(2), Julai - Disember 2018. 15-30
- Zukrina, A., Zukni, A., Muhammad, M., & Anuar, F. N. (2024). Analisis Kesan Aplikasi TikTok Terhadap Kesejahteraan Psikologi Belia: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(3), 504– 528.